



Ministry of Education
SINGAPORE

SKIM BANTUAN KEWANGAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN (FAS) 2024

Kementerian Pendidikan menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar warga Singapura daripada Sekolah Pemerintah dan Bantuan Pemerintah yang memerlukan bantuan kewangan untuk pengajian mereka.

KRITERIA PENDAPATAN

Pendapatan Bulanan
Kasar Isi Rumah =

\$3,000

ATAU KURANG

ATAU

Pendapatan Per Kapita =

\$750

ATAU KURANG

Pendapatan Per Kapita =

Jumlah Pendapatan Bulanan Kasar Isi Rumah
dibahagikan dengan Bilangan Ahli Isi Rumah

FAEDAH

Perkara	Peringkat Akademik		
	Rendah	Menengah	Pra-universiti
Yuran Sekolah	Tidak berkaitan	Subsidi penuh \$5 sebulan	Subsidi penuh \$6 sebulan
Yuran Rampaian Standard	Subsidi penuh \$13 sebulan	Subsidi penuh \$20 sebulan	Subsidi penuh \$27 sebulan
Buku teks	Buku teks percuma		Tidak berkaitan
Pakaian Seragam Sekolah	Pakaian seragam sekolah percuma		Tidak berkaitan
Subsidi Pengangkutan*	65% tambang bas sekolah setiap bulan untuk pelajar yang menaiki bas sekolah; atau Subsidi pengangkutan \$17 sebulan bermula pada bulan kelulusan diperoleh, hingga \$204 setahun untuk pelajar yang menaiki pengangkutan awam	Subsidi pengangkutan \$17 sebulan bermula pada bulan kelulusan diperoleh, hingga \$204 setahun untuk pelajar yang menaiki pengangkutan awam	
Subsidi Makanan Sekolah^	Subsidi bagi 7 hidangan makanan setiap 5 hari minggu sekolah bermula pada bulan kelulusan diperoleh, hingga 40 minggu persekolahan setahun	Subsidi bagi 10 hidangan makanan setiap 5 hari minggu sekolah bermula pada bulan kelulusan diperoleh, sehingga 40 minggu persekolahan setahun	Tidak berkaitan
Dermaiswa	Tidak berkaitan		\$1,200 setahun

*Jika kelulusan permohonan FAS tidak bermula pada bulan Januari, subsidi pengangkutan akan dikenakan secara prorata bermula pada bulan selepas permohonan anda diluluskan hingga Disember tahun yang sama.

^Subsidi bagi makanan yang dibeli dan dimakan di sekolah.

CARA PERMOHONAN?

Borang permohonan boleh didapati di laman web sekolah dan MOE. Pihak sekolah akan memaklumkan kepada anda tentang keputusan permohonan anda.

PERLU BANTUAN TAMBAHAN?

Jika anda memerlukan bantuan tambahan, anda boleh menghubungi sekolah anak anda untuk mendapatkan bantuan kewangan tambahan.

Pihak sekolah juga boleh membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah untuk memiliki komputer riba dan/atau mendapatkan akses internet jalur lebar pada harga yang dimampui melalui program akses digital IMDA* (www.digitalaccess.gov.sg).

Untuk pertanyaan, sila hubungi 6377 3800 atau e-mel: digitalaccess@imda.gov.sg.

#Tertakluk kepada kelayakan dan ketersediaan.

MAKLUMAT LAIN

Ibu bapa yang mempunyai anak di sekolah yang berbeza

Anda hanya perlu menyerahkan satu borang permohonan untuk semua anak anda yang bersekolah di salah satu sekolah mereka. Sekolah yang menerima borang permohonan akan memaklumkan kepada anda keputusannya untuk semua anak anda.

Pelajar Darjah 6 yang akan ke Menengah 1 pada tahun 2024

Pelajar Darjah 6 boleh memohon FAS MOE di sekolah rendah mereka untuk Menengah 1 tahun hadapan.

Untuk maklumat lanjut, lawati www.moe.gov.sg/financial-matters/financial-assistance/